



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

MAJLIS AMANAT KETUA SETIAUSAHA NEGARA TAHUN 2023

Putrajaya - YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara (KSN) hari ini menyampaikan amanat kepada anggota perkhidmatan awam sempena Majlis Amanat Ketua Setiausaha Negara yang berlangsung di Auditorium Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Selaras dengan hasrat YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dalam membangunkan Malaysia MADANI, semangat dan komitmen penjawat awam merupakan tonggak utama bagi menterjemahkan tindakan pelaksanaan dasar Kerajaan melalui penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan kepada rakyat.

Majlis amanat ini melibatkan kehadiran seramai 500 orang yang terdiri daripada Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Pengarah Persekutuan, Ketua-Ketua Pengarah Badan Berkanun Persekutuan dan Naib Canselor Universiti Awam.

Amanat turut disiarkan secara dalam talian menerusi saluran Facebook Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan JPA.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 9 Februari 2023
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 (45)